

09/04/2003

Biar Pak Lah tentukan sendiri timbalan: Muhyiddin

Kadir Dikoh; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Seorang lagi Naib Presiden Umno semalam menasihatkan ahli parti supaya tidak memberi tekanan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memilih timbalannya apabila mengambil alih kepemimpinan kerajaan dan Umno selepas Oktober ini.

Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata, sebaliknya mereka perlu memberi kepercayaan penuh kepada Abdullah untuk memilih timbalannya seperti tradisi dalam parti yang diamalkan selama ini.

"Berilah Pak Lah peluang, hormatilah Pak Lah dan tidak payah membuat sesuatu yang menyulitkan keadaan. Menjadi hak seseorang perdana menteri untuk memilih sesiapa saja bagi jawatan timbalannya.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sudah menyebut bahawa Pak Lah sendiri akan membuat keputusan (melantik timbalan perdana menteri) apabila sampai masanya nanti," katanya di pejabatnya di sini.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Umno Bahagian Chenderoh, Datuk Seri Nazri Aziz yang menyatakan sokongan supaya Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, menjadi Timbalan Presiden Umno dan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Oktober ini.

Kelmarin, Abdullah ketika mengulas isu yang sama menasihatkan semua bahagian Umno tidak mengemukakan usul berhubung siapa bakal menjadi timbalan perdana menteri apabila beliau mengambil alih pucuk kepemimpinan parti dan negara, selepas Oktober ini.

Muhyiddin berkata, ahli Umno perlu menerima nasihat Pemangku Perdana Menteri itu bagi mengelak timbulkan situasi tidak stabil dan suasana politik yang mungkin tidak tenteram dalam parti.

"Saya setuju dengan kenyataan Pak Lah. Sebab itu Majlis Tertinggi (MT) Umno membuat keputusan menangguhkan pemilihan dalam parti sehingga selepas pilihan raya umum akan datang supaya ahli tidak menghabiskan masa membincang soal pertandingan.

"Sekarang kita patut beri tumpuan kepada soal yang boleh membantu menangani masalah ekonomi ekoran perang Iraq dan isu Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS)," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaacob, berkata pandangan serta nasihat Abdullah perlu diterima oleh semua Pengerusi Badan Perhubungan Negeri parti itu.

Beliau yakin isu pengisian jawatan timbalan perdana menteri tidak akan ditimbulkan pada mesyuarat bahagian berikutan keputusan ibu pejabat Umno menangguhkan sebarang pemilihan selepas pilihan raya umum dalam jangka masa 18 bulan.

"Ini bertujuan mengelakkan perkara membincangkan isu siapa yang akan menjadi pengganti dan sebagainya. Perkara ini ditangguhkan dulu sehingga kepada tahun yang mana kita akan mengadakan pemilihan.

"Pada kali ini, kita tumpukan kepada banyak perkara lain dari segi pemisahan kawasan, penubuhan jawatankuasa penaja untuk melicinkan perjalanan penubuhan cawangan, kerana kita menerima banyak permohonan cawangan baru untuk ditubuhkan," katanya mengulas sama ada nasihat Pemangku Presiden Umno itu dijadikan pekeliling dalam mesyuarat bahagian Umno yang berjalan sekarang.

Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said, pula berpendapat buat masa ini tidak timbul soal pemilihan seseorang sebagai timbalan perdana menteri kerana ia menjadi hak perdana menteri untuk menentukannya.

"Puteri Umno juga berpendapat bahawa mana-mana ahli parti bebas untuk

bersuara, tetapi pandangan itu tidak terikat kerana Umno mengamalkan demokrasi dan masih pegang kepada tradisi," katanya.

Beliau berkata, ahli parti tidak harus tersasar daripada matlamat untuk menentukan Umno dan Barisan Nasional (BN) memenangi sebanyak mungkin kawasan pilihan raya dan menawan semula Terengganu dan Kelantan daripada Pas.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata pandangan bahagian Umno tentu akan diambil kira oleh Abdullah apabila beliau menjadi presiden parti dan perdana menteri nanti.

"Kita kena terima hakikat bahawa ini (Timbalan Perdana Menteri) akan ditentukan oleh beliau (Abdullah) selaku Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno ditentukan pula oleh ahli parti," katanya.

Pengerusi Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman pula berkata Umno di negeri itu menyambut baik saranan dan nasihat Abdullah agar tidak menamakan calon bagi jawatan timbalan perdana menteri ataupun jawatan lain dalam parti.

"Jadi saya harap jangan kita buat andaian," katanya.